



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap/Kontrak** di UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

KAMPUS	BIL	JAWATAN	GRED SSPA	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL						
UiTM Kampus Kuala Pilah	1.	Pembantu Khidmat Am (Pemanduan)	H1	Pembantu Khidmat Am	RM 1,500.00	RM 4,680.00
UiTM Kampus Rembau	2.	Pembantu Khidmat Am (Operasi)	H1	Pembantu Khidmat Am	RM 1,500.00	RM 4,680.00

JAWATAN PENTADBIRAN

1. PEMBANTU KHIDMAT AM

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN: KEMAHIRAN

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
 - (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan (d)).
 - (d) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)
 - (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang

- diliputi oleh tugasan berkenaan; atau
- (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
 - (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
 - (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
 - (v) Bagi tugasan menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang di <https://pengambilancns.uitm.edu.my/> dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.
- b. Pemohon dikehendaki membeli nombor pin di dalam sistem Pengambilan UiTMCNS dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu jawatan yang dimohon.
- c. Sekiranya anda terpilih untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga adalah terbatal. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepilkhan mengikut susunan berikut:
 - i. Borang Permohonan
 - ii. Kad Pengenalan
 - iii. Sijil Kelahiran
 - iv. Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - v. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - vi. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
 - vii. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - viii. Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - ix. Dokumen berkaitan yang dipohon
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah tidak berjaya.
- e. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- f. Tarikh iklan dikeluarkan pada 8 Ogos 2025 (Jumaat). **TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA 22 Ogos 2025 (JUMAAT).**

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan di sini.

Alamat:

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS KUALA PILAH
72000, KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

No. Tel: +(606)-483 2100 / 483 2210/ 483 2207

Emel: gpentadbirancns@uitm.edu.my

